

16 NOV 1998

APEC-BERITA-IMPAK/I

DAGANGAN MATA WANG BERI KESAN KEPADA EKONOMI- KETUA EKONOMI APEC

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdagangan mata wang memberi kesan kepada ekonomi, demikian menurut beberapa ketua negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Ketua ekonomi Singapura, Korea Selatan dan China Taipei, yang berada di sini bagi menghadiri mesyuarat Apec memperakui kegiatan dagangan lindung nilai yang tidak terkawal boleh menimbulkan votaliti yang tinggi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia Datuk Seri Rafidah Aziz, memberikan taklimat kepada pemberita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertemu dengan ketua ekonomi Singapura, Korea Selatan dan China Taipei, dalam rundingan dua hala yang berasingan.

Memandangkan votaliti yang sedemikian perdagangan mata wang memerlukan pengawalan, katanya.

Beliau berkata votaliti yang luas adalah merosakkan dan akan mengakibatkan berlaku putar belit dalam ekonomi.

Rafidah berkata dagangan mata wang yang biasa tidak akan memberi kesan negatif kepada sesebuah negara.

-- BERNAMA

ES AAM RI